

Pertandingan Karya Pilihan GAH UMS Tawar Hadiah Bernilai RM10,500

Terakhir dikemaskini: Selasa, 06 Ogos 2019 16:40 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 152

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share

Objektif: Program Pertandingan Karya Galeri Seni Azman Hashim, Universiti Malaysia Sabah akan melaksanakan Seni Visual/Kreatif/Muzik yang jubangkali diadakan di peringkat AWAM IPTA Malaysia. Program ini dimajukan dengan karya bersifat akademik bukan akademik. Matlamat program ini mendedahkan pelajar/pelidik/anggota awam tentang khazanah yang perlu didokumentasikan melalui seni visual. Di akhir pertandingan, hasil karya akan dipamerkan dan dipertandingkan di peringkat kebangsaan yang bakal menjadi acara tahunan Galeri AH. Pertandingan hasil karya ini bertujuan untuk menghimpun karya berkualiti dan menaikkan martabat seni di kalangan warga intelektual.

ANJURAN: GALERI SENI, AZMAN HASHIM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2019/2020

PERTANDINGAN KARYA PILIHAN AZMAN HASHIM UMS 19/20

SVARAT-SVARAT PENYERTAAN

- Yutan penyertaan individu setiap peserta berjumlah RM20.00 dan hendaklah dibayar melalui deposit bank akaun Maybank 110237917530 (NOOR FAZILAWATI BINTI GHULAM DINI).
- Penyertaan hendaklah karya yang asli dan dilukis sendiri oleh peserta. Setiap peserta dibenarkan menghantar dua (2) penyertaan sahaja.
- Saiz karya hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 2.5 X 3 kaki.
- Segala keputusan Panel Pemilih bagi Karya Pilihan ini adalah mutlak. Sebarang persoalan yang timbul tidak akan dilayan.
- Karya yang terpilih adalah menjadi hak milik Galeri Seni AH termasuk hakcipta karya-karya berkenaan. Karya yang tidak memenangi karya pilihan akan dipamerkan dan dijual di dalam Galeri Seni AH. Sebarang penjualan karya akan diberi kepada pengkarya selepas selesai pengurusan.

HADIAH

- **Tempat Pertama** RM 4,000.00
- **Tempat Kedua** RM 2,000.00
- **Tempat Ketiga** RM 1,000.00
- **Hadiah Saguhati** RM 350 X 10

Setiap peserta akan diberikan sijil penyertaan.

BAHAN: Bebas (2D & 3D)

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan adalah pada: **28 FEBRUARI 2020**

Setiap karya peraloh dibantar kepada: Noorfazilawaty (01159674576), En. Faez Huzaini Ramleh (0148515165), dan Prof. Madya Dr. Humin Jusilin (0198626696) di alamat Galeri Seni, Dataran Yaman, Blok Seni, Fakulti Kemajuan, Seni dan Warisan UMS.

PENILAIAN

- Satu Panel Pemilih akan dilantik oleh pihak penganjur.
- Antara kriteria-kriteria penilaian dan pemilihan ialah karya itu haruslah menunjukkan ciri-ciri:
 - a) Keaslian
 - b) Daya Kreativiti
 - c) Kualiti estetik yang tinggi
- Setiap karya akan dipamerkan ketika perasmian bangunan Galeri Seni AH, yang akan dimaklumkan kemudian. Pengumuman mengenai keputusan pertandingan karya akan diadakan sempena persembahan dan makan malam pada hari yang sama.

TEMA: Bebas, tetapi hendaklah mengenai sesuatu yang berkaitan dengan Borneo (Negeri Sabah).

PENDEKATAN: Proses, teknik atau pendekatan adalah bebas.

SELASA, 06 OGOS - Sempena pembukaannya yang dijadualkan pada tahun 2020, Galeri Azman Hashim Universiti Malaysia Sabah (GAH UMS) menganjurkan Pertandingan Karya Pilihan Azman Hashim UMS 2019/2020 dengan menawarkan hadiah bernilai RM10,500.

Penyelaras pertandingan, Prof. Madya Dr. Humin Jusilin berkata, tema pertandingan adalah bebas namun karya tersebut harus berkaitan dengan Borneo terutama Negeri Sabah.

“Ia bagi memberi peluang kepada pengkarya untuk meneroka dengan lebih mendalam keunikan pelbagai aspek sosiobudaya yang terdapat di kawasan Borneo terutama yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dan alam sekitarnya.

“Kami mengharapkan melalui penyertaan daripada para pengkarya dalam pelbagai bidang seperti pelukis dan pembuat arca, ia akan dapat menghasilkan sebuah karya yang unik dan berbeza seterusnya dapat menarik masyarakat untuk menikmati dan menghargai karya tersebut,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Dr. Humin, karya yang terpilih sebagai pemenang tempat pertama akan menerima wang tunai RM4000, manakala tempat kedua RM2000 dan tempat ketiga RM1000.

Di samping itu katanya, penganjur juga menyediakan hadiah sagu hati untuk 10 pemenang bernilai RM350 setiap satu selain sijil penyertaan kepada semua peserta.

“Setiap karya terpilih juga akan dipamerkan melalui program khas sempena perasmian Galeri Azman Hashim UMS yang dijangka akan berlangsung pada pertengahan tahun hadapan,” jelasnya.

Menyentuh mengenai GAH UMS, Dr. Humin memberitahu, galeri tersebut merupakan sebuah lagi ruang yang memberi peluang kepada para pengkarya dan penggiat seni terutama di Sabah untuk mempamerkan hasil-hasil karya mereka kepada masyarakat.

“Bangunan galeri tersebut juga akan menjadi sebuah mercu tanda baru Sabah yang berkonsepkan *edu-tourism* bagi menarik pelancong untuk menghargai keunikan sosiobudaya masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik melalui pelbagai aktiviti seperti pameran karya seni dan persembahan kebudayaan.

“Bangunan GAH UMS yang berbentuk bulatan sangat unik kerana reka bentuknya seperti gong yang merupakan alat muzik penting di Sabah,” tambahnya yang juga Pensyarah Program Teknologi Seni Visual, Fakulti Kemajuan, Seni dan Warisan UMS.

Sehubungan itu mereka yang berminat dan mempunyai bakat dalam seni halus dan teknologi seni adalah dipelawa untuk menyertai dan menghantar karya ke Pertandingan Karya Pilihan Azman Hashim UMS 2019/2020.

Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan boleh menghubungi Dr. Humin (019-8626696), Faez Huzaini (014-9559787) dan Noor Fazlilawaty Ghulamdinn (011-59764576) atau dengan melayari Facebook Galeri Azman Hashim UMS.